

TARIKH	KHAMIS, 23 MEI 2024
AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK ARTIKEL	CUMA 0.5% PENJAWAT AWAM BERMASALAH DIKENA TINDAKAN
M/S	7
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	

# Cuma 0.5% penjawat awam bermasalah dikenai tindakan

Oleh FITRI NIZAM  
fitri.nizam@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Isu tatatertib membabitkan penjawat awam hanyalah kes terpencil kerana hanya 0.5 peratus daripada keseluruhan 1.48 juta orang dikenakan tindakan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Abdul Rahman Mohd. Nordin berkata, isu integriti dalam kalangan penjawat awam ketika ini semakin baik selepas pelaksanaan pelbagai tapisan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sebelum diterima bekerja.

Bagaimanapun, beliau mengakui masih terdapat isu integriti membabitkan penjawat awam di seluruh negara seperti kesalahan tidak hadir kerja, salah guna kuasa, rasuah dan sebagainya.

“Kita akui memang ada kes integriti membabitkan penjawat awam namun jumlahnya hanyalah 0.5 peratus sahaja, jadi tidak boleh ‘pukul rata’ mengatakan keseluruhan mereka bermasalah.

“Cumanya, di pihak Cuepacs kami berharap perkara ini dapat diatasi supaya jumlah mereka yang bermasalah dapat dikurangkan lagi supaya imej penjawat awam lebih bersih dalam

**Ponteng kerja kesalahan paling banyak dengan 1,839 kes**

## 8,556 penjawat awam kena tindakan tatatertib

**PUTRAJAYA:** Sejumlah 8,556 penjawat awam dikenakan tindakan tatatertib tahun 2022 dengan tidak hadir kerja kesalahan tertinggi melibatkan 21.5 peratus atau 1,839 orang daripada keseluruhan kesalahan direkodkan dalam tempoh tersebut. Sebanyak 3.19 peratus atau 273 lagi dikenakan tindakan kerana salah guna dadah diikuti 1.64 peratus atau 140 orang kerana salah guna kuasa serta rasuah. Dalam tempoh sama, seramai 493 pegawai kerajaan dibuang kerja berbanding 165 orang pada tahun 2020 dan 239 pada tahun 2021 menjadikan jumlah keseluruhan penjawat awam dibuang kerja dalam tempoh tiga tahun seramai 897 orang.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zaki Ali berkata, apabila Dasar Pentadbir dilaksanakan pada 2025, seramai 1.258 pegawai awam memeprebeh penilaian prestasi baharu.

**UTUSAN Malaysia 22 Mei 2024.**

kalangan masyarakat,” katanya ketika dihubungi semalam.

Kelmarin, *Utusan Malaysia* melaporkan, sejumlah 8,556 penjawat awam dikenakan tindakan tatatertib pada 2022 dengan kesalahan tertinggi adalah tidak hadir kerja melibatkan 21.5 peratus atau 1,839 orang daripada keseluruhan kesalahan direkodkan dalam tempoh tersebut.

Sebanyak 3.19 peratus atau 273 lagi dikenakan tindakan kerana salah guna dadah diikuti 1.64 peratus atau 140 orang kerana salah guna kuasa serta rasuah.

Dalam tempoh sama, seramai 493 pegawai kerajaan dibuang kerja berbanding 165 orang pada 2020 dan 239 pada 2021 menjadikan jumlah keseluruhan penjawat awam dibuang kerja dalam tempoh tiga tahun seramai 897 orang.

Mengulas lanjut, Abdul Rahman berkata, berdasarkan laporan diterima CUEPACS, kes tidak hadir kerja sebahagian besarnya melibatkan masalah peribadi termasuk isu rumahtangga dihadapi penjawat awam.

“Pelbagai prosedur dan sisatan dilaksanakan secara dalaman oleh pihak JPA terhadap sesuatu laporan termasuk memberi kauseling kepada penjawat awam bermasalah.

“Sekiranya semua usaha tersebut masih gagal barulah tindakan tatatertib dikenakan termasuklah dibuang kerja, namun bukan sewenang-wenangnya mereka boleh dilepaskan,” katanya.

DISEDIAKAN OLEH	1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM 2-UNIT PERPUSTAKAAN, BPM
-----------------	--